

MENATA RUANG DENGAN *akuarium*

PENULIS: NORHAFIZAH MOHAMED YUSSOF

TERIMA KASIH KEPADA MARTIN SCHAPIRA, OKEANOS AQUASCAPING, NEW YORK. www.oceanosgroup.com



Kehadiran akuarium pada kediaman semakin mendapat permintaan kerana ia bukan sahaja mampu mewujudkan tarikan visual pada sesebuah ruang, tetapi juga secara psikologinya dapat menjadi terapi untuk merehatkan minda. Ini sekali gus merubah fungsi akuarium itu sendiri yang dahulunya hanya menjadi tempat ikan peliharaan kepada sebahagian daripada elemen dekorasi.



1001 *akuarium* APA YANG ANDA PERLU TAHU



AKUARIUM digunakan secara meluas di serata dunia sebagai tempat untuk mempamer dan memelihara ikan, mamalia marin, amfibia, tumbuhan dan juga invertebrata. Kehadiran pengeluar/kontraktor yang membuat akuarium tempahan khas memberikan rangkaian pilihan yang lebih meluas dengan reka bentuk yang menarik untuk digayakan pada pelbagai ruang di kediaman. Terdapat pelbagai jenis akuarium dari yang bersaiz kecil hinggalah ke besar. Malahan, akuarium juga dibina mengikut pelbagai tahap kemasinan air seperti akuarium air tawar, akuarium laut (air masin), akuarium air sejuk, akuarium air payau dan akuarium tropika.

Komponen utama pada sesebuah akuarium merangkumi tangki, sistem penapisan dan pencahayaan. Panel kaca pada akuarium menggunakan material silikon dan plastik untuk ketahanan. Sesebuah tangki menggunakan kaca laminasi, kaca fiber ataupun konkrit. Sistem penapisan akuarium sangat penting kerana ia menukarkan ammonia di dalam air kepada nitrat. Ia juga membantu menghilangkan fosfat dan lebihan nitrogen. Sistem pencahayaan juga begitu popular pada akuarium kerana ia memastikan ikan dan tumbuhan air lebih sihat. Akuarium kini diperluaskan penggunaannya sebagai elemen dekorasi yang hidup pada ruang kediaman. Kebanyakan pereka bentuk dalaman ataupun kontraktor menyarankan penggunaan akuarium kerana ia boleh menjadi sumber terapeutik kepada penghuni kediaman. Ikuti paparan idea juga inspirasi dari peneraju perkhidmatan tempahan khas dan rekaan akuarium, Okeanos Aquascaping dalam menata wajah kediaman anda.

TIP MENGENAI PENJAGAAN AKUARIUM:

■ Anda perlu ingat bahawa tangki perlu diletakkan berdekatan dengan sumber elektrik dan jauh daripada sumber cahaya matahari. ■ Jangan gunakan sabun atau pencuci untuk membersihkan apa sahaja yang akan diletakkan di dalam tangki anda. ■ Hindari daripada menggunakan peralatan yang diperbuat daripada besi. Air masin akan menyebabkan ia berkarat. ■ Tiub lampu kalimantang perlu ditukarkan sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memberikan efisiensi yang terbaik. ■ Lampu *incandescent* boleh menjadi begitu panas. Hindari air daripada terkena pada lampu ini kerana ia akan pecah. ■ Jangan biarkan lampu akuarium menyala sepanjang hari dari siang ke malam. Ikan memerlukan tempoh masa bergelap seperti juga manusia untuk tidur. ■ Tambahkan hanya beberapa jenis ikan pada satu masa dan lihat bagaimana ia menyesuaikan diri. Jangan masukkan air yang membawa ikan ke dalam akuarium. ■ Pilih jenis ikan yang boleh hidup di antara satu sama lain dan ikan yang menjalankan tugas seperti memakan alga.



RUANG TAMU

Aplikasi akuarium di ruang tamu bakal mencipta *feature wall* pada ruang, seterusnya menjadi tarikan visual pada wajah dekorasi. Penggunaan akuarium secara binaan dalam boleh dipasang pada unit sedia ada mahupun binaan unit dinding baru yang hanya menempatkan akuarium sahaja. Pemasangan akuarium pada unit dinding sedia ada kebiasaannya di buat pada bahagian tengah dinding dan pun dibahagian sudut bagi memberi efek ruang yang lebih berkarakter

1. **Akuarium Dengan Rekaan Air Terjun** yang dihiasi rangka kayu sebagai elemen *hardscape* mampu mencuri tumpuan selain menjadi terapi ketenangan.
2. Menyamarkan almari penstoran sebagai *feature wall* ruang dengan menggayakan **Akuarium Tempahan Khas Karang Laut**.
3. Bagi memisahkan ruang, peletakan pemisah dengan panel **Akuarium Tempahan Khas Karang Laut** yang menyuntik elemen kesegaran pada ruang.



RUANG MAKAN/RUANG DAPUR

Menjadi pilihan menata ruang makan, akuarium dijadikan elemen dekorasi pelengkap ruang yang bakal menerbitkan ruang makan lebih mendamaikan. Secara relatifnya peletakan akuarium di ruang ini dapat memberi kesan terutama ketika ruang digunakan untuk keraian ataupun acara tertentu. Ia bakal mencipta suasana persekitaran yang lebih mesra, malahan boleh menjadi topik perbualan di antara para tetamu.



4, 5 & 6.

Mewujudkan tarikan visual pada ruang makan dan ruang dapur dengan penggayaan **Akuarium Tempahan Khas Karangan Laut** menggunakan air masin. Ikan air masin secara umumnya lebih mahal daripada ikan air segar. Walau bagaimanapun ikan air masin lebih cantik berbanding dengan ikan air segar. Warna-warnanya lebih menarik dan ini adalah antara sebab mengapa ramai orang memilih akuarium air masin. Lebih cantik ikan yang dilihat, lebih mahallah kos yang diperuntukkan.

7. Dwifungsi, sebagai hiasan dan juga panel televisyen. Peletakan akuarium menjadi elemen utama hiasan di ruang menonton ini. Skrin tv akan disembunyikan tatkala ia tidak digunakan, sekaligus menutupi sebahagian daripada wajah **Akuarium dengan TV Skrin Rata Elektronik**.

8. Suntikan kelainan yang penuh elegan dengan **Akuarium Tempahan Khas Air Segar (Freshwater) dengan Tumbuhan Hidup**. Binaan seperti rak pameran memberi sentuhan ruang lebih unik dan tersendiri. Penjagaan akuarium air segar lebih mudah berbanding akuarium air masin. Keduanya memerlukan monitor kualiti air dan bahagian penukar air tetapi lebih perhatian perlu diberikan pada akuarium air masin.



RUANG MENONTON/RUANG BACAAN

Apabila menggayakan akuarium binaan khas di ruang ini, ia merupakan pilihan alternatif sebagai elemen penghubung di antara di ruang yang lain. Dengan kemasan dinding akuarium dari kaca telus pandang, anda boleh melihat apa yang berlaku pada ruang lain selain memantau aktiviti yang berlaku di dalam kediaman. Kini terdapat juga paparan unit televisyen yang boleh disembunyikan ketika tidak digunakan lagi dan hanya memaparkan landskap akuarium di ruang menonton.

